



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 JUN 2021 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

18 JUN 2021 (JUMAAT)

KPDNHEP akan berjumpa penyedia aplikasi, peniaga

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan bertemu peniaga dan penyedia khidmat pengantar makanan bagi menyelesaikan isu berkaitan caj aplikasi yang didakwa membebankan pengguna. »**BERITA DI MUKA 6**



Adakan libat urus dengan pemain industri

KPDNHEP pandang serius isu komisen

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan libat urus dengan pemain industri dalam masa terdekat termasuk peniaga dan syarikat penyedia khidmat penghantaran bagi meneliti mekanisme terbaik bagi menjamin kepentingan semua pihak.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya mengambil serius laporan *Kosmo!* berhubung isu komisen yang dikatakan mencecah 30 peratus dikenakan kepada peniaga makanan dan minuman oleh penyedia perkhidmatan penghantaran makanan.

“Dalam menjamin kepentingan dan kelangsungan ekosistem perniagaan serta perdagangan domestik, KPDNHEP komited memastikan semua rangkaian dan sektor perniagaan dapat mendepani cabaran ekonomi yang terkesan akibat pandemik Covid-19 ini.

Justeru, berhubung isu ini, KPDNHEP tegas dalam memastikan tiada unsur atau elemen pencatutan berlaku dalam komponen caj atau komisen yang dikenakan kepada peniaga atau pengguna.

“Penyedia perkhidmatan penghantaran perlu mematuhi perkara di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kosmo! semalam melaporkan tentang rayuan



KERATAN *Kosmo!* semalam.

peniaga serta pemilik restoran yang memohon agar pengendali aplikasi itu mengurangkan kadar komisen dikenakan.

Dakwa mereka, mereka perlu membayar komisen kepada pengendali aplikasi itu sehingga 30 peratus daripada harga setiap item makanan atau minuman yang ditempah para pelanggan.

Akibatnya, pengguna yang menjadi mangsa kerana terpaksa membayar pada harga yang lebih mahal selain menanggung kos penghantaran mengikut jarak lokasi.

Sementara itu, Rosol berkata, menerusi hubungan baik antara kementerian dan syarikat penyedia khidmat penghantaran makanan di negara ini, KPDNHEP yakin perbincangan akan mampu mewujudkan situasi me-

nang-menang antara kedua-dua pihak.

“Ini penting kerana dalam situasi ekonomi negara yang mencabar akibat kesan pandemik Covid-19, KPDNHEP komited dalam memastikan ekosistem perniagaan terutama dalam fasa pemulihan ekonomi negara ini berjalan dengan baik dan memanfaatkan semua pihak termasuk peniaga kecil.

“KPDNHEP yakin perbincangan bersama pemain industri terutama peniaga dan penyedia khidmat penghantaran makanan dapat menghasilkan kesepakatan yang memberi keseimbangan dan situasi ménang-menang untuk kedua-dua pihak,” katanya.



ROSOL



KERAJAAN dijangka mengumumkan harga baharu minyak masak botol minggu depan. — GAMBAR HIASAN

Harga baharu minyak masak bakal diumum

KUANTAN — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengumumkan harga baharu bagi minyak masak dalam botol lima kilogram dan dua kilogram minggu depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, penetapan harga baharu itu dibuat hasil pertemuan membabitkan tiga kementerian yang berlangsung kelmarin di Putrajaya.

“Mengenai harga minyak masak ini, akan ada satu pengumuman atau berita baik kepada orang ramai dalam masa terdekat, dalam masa seminggu lagi ia akan diumumkan oleh Menteri, sama ada oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz atau Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

“Kita harap pengumuman ini dapat melegakan rakyat yang sedang menunggu keputusan berkaitan isu ini,” katanya selepas melawat premis D'Mart Felda Bukit Goh, di sini semalam.

Sabtu lalu, Rosol dilaporkan berkata, perbincangan membabitkan KPDNHEP, Kementerian Perusahaan Perladangan

dan Komoditi dan Kementerian Kewangan akan diadakan bagi membincangkan isu berkenaan.

Dalam pada itu, ditanya mengenai kekurangan bekalan barang seperti gula dan sayuran, beliau berkata, tidak timbul masalah kekurangan bekalan itu kerana isu tersebut timbul dipercayai berpunca daripada masalah logistik.

“Macam isu gula, saya dimaklumkan ada masalah di kilang apabila (kilang gula) terpaksa ditutup selepas ada pekerja mereka didapati positif (Covid-19), bukannya kerana (bekalan) gula tidak ada.

“Saya difahamkan perkara ini sudah selesai dan mereka (kilang) memberi jaminan bekalan sudah boleh diedarkan seperti biasa,” katanya.

Mengulas mengenai rayuan ibu bapa yang mahu kedai buku dan alat tulis beroperasi susulan pelajar perlu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), Rosol berkata, perkara itu sedang diberi perhatian pihaknya dan berharap ia dapat dipertimbangkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Harga baharu minyak masak botol diumum minggu depan

HARGA baharu minyak masak dalam botol lima dan tiga kilogram dijangka diumumkan oleh kerajaan pada minggu hadapan, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid.

Beliau berkata, penetapan harga baharu itu dibuat hasil pertemuan membabitkan tiga kementerian yang berlangsung di Putrajaya pada Rabu.

Harga minyak masak minggu depan

KPDNHEP beri jaminan harga baharu minyak masak dalam botol akan melegakan rama pengguna

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Harga baharu minyak masak dalam botol tiga dan lima kilogram (kg) akan diumumkan oleh kerajaan pada minggu hadapan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, penetapan harga baharu itu dibuat hasil perenungan membabitkan tiga kementerian yang berlangsung di Putrajaya pada Rabu.

“Dalam masa seminggu lagi, Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Mengulas mengenai keku-

Tengku Abdul Aziz atau Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi akan membuat pengumuman mengenai harga baharu minyak masak botol.

“Kita tahu masalah kenaikan harga minyak masak timbul beberapa minggu lalu, namun kita yakin pengumuman harga baharu itu ‘nanti memberi kelegaan kepada mereka,’ katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menjawat kedai D’Mart Felda Bukit Goh di sini pada Khamis.

Pada 10 Jun lalu, *Sinar Harian* melaporkan mengenai rungutan rakyat berhubung kenaikan harga minyak masak dalam botol yang mencecah sehingga lebih RM30 untuk botol 5kg.

Sabtu lalu, Rosol dilaporkan akan berbincang dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan mengenai isu berkenaan.

Rosol menasihatkan orang ramai supaya terus melaporkan kepada KPDNHEP, jika berlaku kenaikan harga yang mendadak, bagi memudahkan tugas pemantauan dilakukan.

Sementara itu, ditanya mengenai rayuan ibu bapa yang meminta kerajaan membekalkan kedai buku dan alat tulis beroperasi susulan keputusan Kementerian Pendidikan menurunkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bermula 13 Jun lalu, Rosol berkata, perkara itu sedang diberi perhatian pihaknya.

Katanya, rayuan itu akan dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan berharap ia dapat diberikan pertimbangan sewajarnya.

“Kita faham situasi yang dihadapi ibu bapa. Jadi, kita akan panjangkan perkara ini untuk perhatian MKN.”

“Kita tahu apabila PdPR diteruskan, makannya ada keperluan untuk kedai alat tulis, kedai cetak dibuka kerana bukan semua ibu bapa mempunyai pencetak di rumah,” kata beliau.



Rosol (kiri) meninjau bekalan minyak masak bersubsidi di kedai D'Mart Felda Bukit Goh, Pahang pada Khamis.

selepas ada pekerja mereka didapati positif (Covid-19), bukannya kerana (bekalan) gula tidak ada.

“Saya difahamkan perkara berkaitan sudah selesai dan mereka (kilang) memberi jaminan bekalan sudah boleh diedarkan seperti biasa,” ujarnya.

rangan bekalan barang seperti ti gula dan sayuran pula, belum menjelaskan bekalan mencukupi, namun masalah tersebut timbul dipercayai berpunca ekoran isu logistik.

“Macam-isu (kekurangan bekalan) gula, saya dimaklumkan ada masalah di kilang apabila kilang gula terpaksa ditutup

SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 18/06/2021
M/SURAT : 14

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM5.99
Daging Lembu Tempatan	RM34
Daging Lembu Import	RM29.90
Telur Gred A	RM9.20
Ikan Kembung	RM11.90
Minyak Masak	RM6.20
Gula Pasir	RM2.85
Bawang Besar Holland	RM3.30
Bawang Putih	RM5.50
Cili Merah	RM11.99
Kubis Bulat Tempatan	RM1.99
Tepung Candum	RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP